

TEKNOLOGI ANIMASI UPM BERTARAF DUNIA

....bakal hasilkan siri TV animasi 3D

Oleh ZAINAL ABDUL KADIR Foto Ahmad Fua'ad Alwi

Percayakah anda, suatu hari nanti Universiti Putra Malaysia (UPM) mampu menghasilkan filem animasi seperti *Bugs Life*, *Antz*, *Toy Story*, *Beastwars*, *Shadow Rider*?

Ini tidak mustahil, kerana sekumpulan tenaga pakar di Institut Multimedia dan Perisian (IMP), UPM sedang berusaha menghasilkan siri televisyen animasi 3D menggunakan teknologi komputer.

Teknologi ini dikenali sebagai CGI (*Computer Generated Image*). Teknologi inilah yang merupakan tunjang kekuatan kebanyakan filem atau siri televisyen yang berunsurkan 3D. Malah tahun 2001 ini sahaja, teknologi CGI digunakan dalam pembikinan filem *Mummy The Return*, *Shrek*, *Final Fantasy*, *Tombr Raider*, *Jurassic Park III* dan lain-lain yang akan ditayangkan di pawagam seluruh negara tidak lama lagi.



Sebahagian staf IMP sedang tekun mengendalikan peralatan

Tenaga pakar IMP ini diketuai oleh Encik Harun Jantrik, seorang Jurutera Multimedia yang berpengalaman dalam 3D. Menurut Encik Harun, anggaran perbelanjaan pembelian peralatan sahaja menjangkau RM 5 juta.

Peralatan seperti *Motion Capture*, *SGI workstation*, sistem penyunting *non-linear* dan pengimbas 3D merupakan teknologi komputer yang digunakan dalam pembikinan siri televisyen dan filem.

"Pihak IMP terpaksa berbelanja besar bagi memenuhi kehendak dan keperluan bidang penyiaran masa kini terutamanya bagi penghasilan cerita televisyen. Ini menjadikan projek penghasilan siri televisyen animasi 3D sebanyak 13 episod yang

sedang diusahakan begitu mahal kos pembikinannya," kata Encik Harun menjelaskan kenapa kos pembelian peralatan terlalu eksklusif.


Beliau menerangkan

bahawa program peralatan *Motion Capture* memudahkan kerja para animator untuk membuat animasi atau pergerakan pada sesuatu karektor

atau watak 3D ber-dasarkan per-gerakan manusia sebenar, malah pergerakannya lebih realistik



Antara karektor yang dihasilkan melalui teknologi CGI



Sebahagian pelajar yang mengikuti skim latihan di IMP

dan tidak kaku.

Namun, idea pembelian teknologi CGI ini tercetus daripada Pengarah IMP iaitu Prof. Madya Dr. Makhdzir Mardan. Ketika ditemui, Dr. Makhdzir yakin teknologi CGI dapat meningkatkan kemampuan IMP dalam menghasilkan karektor-karektor animasi 3D bagi tayangan TV atau filem serta dapat menjimatkan masa lebih dari 70% dalam pembikinan animasi 3D.



Harun sedang mengendalikan SGI Workstation

Sewaktu diaju soalan apakah peralatan ini cum akan menjadi 'gajah putih', Dr. Makhdzir menyatakan dengan tenang.

"Saya mengharapkan agar dalam masa dua tahun, UPM boleh menghasilkan episod animasi 3D kepada syarikat-syarikat televisyen tempatan. Beberapa alat pelengkap lain seperti 'Body scanner', 'stereolithrography' dan lain-lain lagi akan mendekati UPM

sebagai pusat latihan dan produksi animasi 3D di negara ini dan kawasan serantau," katanya.

Dr. Makhdzir yakin teknologi CGI akan membantu IMP membangunkan kepakaran dalam teknologi *motion-capture* di kalangan kakitangan IMP serta pelajar-pelajar UPM yang berbakat boleh menggunakan alatan ini melalui skim latihan dan peluang untuk mereka berkreatif dan dapat membantu UPM menghasilkan pelajar-pelajar yang serba boleh.

Kenyataan ini disokong oleh Encik Harun yang menyatakan bahawa peralatan tersebut tidak terhad kepada pembikinan siri televisyen, iklan komersil atau klip video lagu artis sahaja, bahkan ianya boleh digunakan untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang bio-informatics, kejuruteraan dan sebagainya.

Kini, bahagian animasi IMP sedang berusaha untuk membuat semula klip video lagu 'Maafkan Kami' nyanyian Allahyarham Tan Sri P. Ramlee menggunakan peralatan tersebut dan dijangka dapat ditayang di televisyen sebelum berakhirnya tahun 2001.



HARUN Jantrik, jurutera berpengalaman dalam 3D



MOTION CAPTURE...untuk membuat pergerakan pada sesuatu karektor animasi